

Tindakan Israel sukarkan Arafat kawal keganasan

SHAH ALAM 2 Mac —
UM 9 MAR 2002

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Israel menghalang Presiden Yasser Arafat keluar dari negaranya untuk menghadiri Persidangan Kemuncak Liga Arab, menyukarkan pemimpin itu mengawal rakyat Palestin yang bertindak ganas.

Perdana Menteri berkata, Yasser tidak dapat mengawal golongan yang bertindak ganas jika beliau terus dikenakan tindakan 'mengurung' oleh rejim Israel.

Perdana Menteri berkata, tidak pernah terjadi seorang ketua kerajaan dihalang da-

ripada meninggalkan negaranya sendiri untuk keluar negara.

Katanya, tindakan tersebut sekali gus memperkecilkan pemimpin berkenaan sebagai ketua negara Palestin yang telah diiktiraf.

"Saya kesal dengan idea memperkecilkan Yasser sebagai ketua kerajaan Palestin.

"Jika dia (Yasser) dihalang keluar, bagaimana beliau hendak menghalang tindakan orang-orang yang meletupkan diri mereka di pasar raya.

"Tentu beliau tidak dapat mengawal orang-orang ini,"

katanya mengulas tindakan Israel tidak membenarkan Yasser menghadiri Persidangan Kemuncak Liga Arab yang bermula di Beirut semalam.

Dr. Mahathir menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan kilang Favelle Favco (M) Sdn. Bhd. dan melancarkan kren buatan Malaysia di Jalan Kampung Jawa di sini hari ini.

"Lepas itu kita mahu dia kawal orang-orang Palestin walaupun tidak mengiktirafnya sebagai ketua kerajaan," katanya.